

# Program basmi kemiskinan diselaras peringkat daerah

BH - 3/10/2021 M/d: 2

## Langkah pastikan usaha tingkat sosioekonomi rakyat lebih fokus

Oleh Ahmad Naim Tahir  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Program pembasmian kemiskinan termasuk segala bentuk bantuan dan latihan kepada kumpulan sasaran akan diselaras pada peringkat daerah di bawah Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang akan memantau pada peringkat Persekutuan, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Langkah itu, kata Perdana Menteri, bagi memastikan usaha membantu dan meningkatkan sosioekonomi rakyat miskin di seluruh negara dapat dilaksanakan dengan lebih fokus melalui pemantauan khusus oleh penyelaras di pejabat daerah, bukan lagi oleh kementerian atau agensi berbeza-beza yang bekerja secara 'silo' atau dalam komuniti sendiri.

Beliau menyebut beberapa kementerian dan agensi yang mempunyai program khusus bagi tujuan itu, antaranya Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB), Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Kementerian Pertahanan (MINDEF)

melalui Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) serta Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, selain Majlis Agama Islam negeri.

"Isu kemiskinan sangat penting dan kerajaan sangat fokus, tetapi dulu tidak ada pemantauan khusus program ini, boleh dikatakan semua kementerian ada program sendiri. Contohnya, KPLB yang saya pernah jadi menterinya dulu dan Kementerian Pertanian ada program ini, tapi semua buat secara 'silo'.

"Katakan bantuan tingkatkan pendapatan orang miskin, dulu saya sebagai menteri memang tak bagi duit, tetapi kita latih mereka contohnya berniaga. Jika di kampung itu tiada orang jual roti canai, kita nak dia berniaga roti canai, kita beri sedikit bantuan kewangan dan peralatan seperti dapur, kita latih dia.

"Namun, tiada pemantauan dan mungkin selepas itu, kementerian lain pula masuk ke kampung yang sama bantu, esok atau lusa selepas itu, masuk pula majlis agama di bawah pusat zakat dan beri bantuan serta latihan lagi, tetapi semuanya tiada pemantauan, tiada istilah 'pimpinan tangan', beri kursus kemudian tinggalkan.

"Akhirnya semua projek gagal sebab dulu tiada pemantauan khusus. Jadi, semua akan kita selaraskan supaya tiada pertindihan di kampung dan di bandar



Ismail Sabri ketika wawancara khas bersama editor kanan media di Bangunan Parlimen, baru-baru ini.

(Foto BERNAMA)

pun sama supaya fokus kita lebih jelas, supaya kita tahu apa nak dibuat untuk bantu rakyat miskin," katanya pada wawancara khas bersama editor kanan media di Bangunan Parlimen.

Katanya, bantuan perumahan juga disalurkan oleh pelbagai kementerian seperti Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT), MINDEF mempunyai projek baik pulih rumah di bawah program Jiwa Murni, begitu juga Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk perumahan di bandar, selain kerajaan negeri.

Perdana Menteri menjelaskan, penyelarasan peringkat daerah akan diletakkan di bawah pejabat daerah melalui pegawai khusus yang akan mendapatkan data

lengkap kemiskinan kawasan setempat serta perincian penduduk miskin yang sudah atau belum menerima bantuan.

"Data itu penting supaya bantuan dapat disalurkan secara menyeluruh, diterima oleh semua yang layak, bukan seorang sahaja dapat bantuan daripada tiga atau empat kementerian. Penyelaras akan menyelaras semua bantuan dan memantau jika ada yang berjaya keluar daripada belunggu kemiskinan, semua data akan ada termasuk hasilnya," katanya.

Inisiatif lain bagi membasmi kemiskinan, katanya, adalah Program Pemerdayaan Komuniti Bandar dan Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat Luar Bandar dengan peruntukan RM1.5 bilion, antara lain menyediakan

latihan dan mewujudkan peluang untuk kumpulan sasaran meningkatkan sosioekonomi terutama melalui perniagaan.

Perdana Menteri mengakui pandemik COVID-19 menyebabkan ramai dalam kumpulan berpendapatan 40 peratus terendah (B40) terjerumus ke dalam kelompok miskin, manakala golongan berpendapatan 40 peratus sederhana (M40) pula jatuh ke dalam kumpulan B40.

"Miskin tegar terus pun boleh sebab kena buang kerja atau berniaga bankrap disebabkan COVID-19 dan PKP (Perintah Kawalan Pergerakan). Jumlah ini, miskin tegar, B40, M40 berubah-ubah. Jumlah dalam B40 makin meningkat, yang jatuh miskin makin ramai terutama selepas kita naikkan GPK (Garis Paras Kemiskinan).

"Kita baru naikkan GPK, kena pula COVID-19, jadi bertambah jumlah mereka yang miskin," katanya namun menegaskan, kerajaan bertekad mencapai sasaran sifar miskin tegar di negara ini menjelang 2025 melalui usaha digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

Ismail Sabri menegaskan, isu kemiskinan dan kebajikan rakyat memang menjadi tumpuan kerajaan dalam RMK-12, termasuk aspek perumahan melalui rancangan pembinaan 500,000 mampu milik dalam tempoh lima tahun, selain infrastruktur hubungan desa atau jalan kampung serta utiliti asas air dan elektrik.